

25 JUL 2002
BMW-LABUR/I
BMW BERMINAT MELABUR DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 25 Julai (Bernama) -- Pengeluar kereta mewah, BMW Group berminat melabur di Malaysia kerana ia melihat prospek pertumbuhan yang menyakinkan di masa depan.

Dalam satu kenyataan di sini, hari ini, naib presiden kanan bahagian jualan BMW Group, Luder Paysen, berkata meskipun syarikat itu masih dalam peringkat perbincangan dengan kerajaan Malaysia dan rakan kongsi tempatannya, ia telahpun menunjukkan komitmennya dengan menganjurkan satu persidangan antarabangsa di sini.

BMW Group ketika ini sedang menganjurkan dua persidangan pemasaran dan komunikasi selama dua hari yang mengumpulkan kira-kira 50 eksekutif yang mewakili bahagian jualan, pemasaran dan hal ehwal korporat.

Eksekutif-eksekutif tersebut adalah daripada ibu pejabat dan anak syarikat kumpulan dari pasaran-pasaran sedang muncul serta sekitar rantau ini.

Susulan daripada pertemuan positif Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dengan pengurusan tertinggi BMW Group di Munich pada Mac, 2002, perbincangan telah diadakan dengan rakan kongsi tempatan dan pegawai-pegawai kerajaan bagi menyelesaikan butir-butir terperinci.

Paysen berkata perbincangan sedang berjalan tetapi enggan menjelaskan lebih lanjut berhubung perkara itu.

Ketika ini BMW Group sedang melihat kemungkinan untuk menubuhkan beberapa operasi serantau di Malaysia.

Tahun lalu dua anak syarikat ditubuhkan di rantau ini iaitu PT BMW Indonesia dan BMW Philipines Corp. -- BERNAMA

NN SD ZK